
MAHATHIR-KARTEL
(I)

EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 10.30 MALAM INI WAKTU MALAYSIA,

21 APRIL

DARI MUSA SCULLY

1983

COLOMBO, 21 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN MALAM INI MALAYSIA TIDAK SUKAKAN KARTEL APABILA BELIAU MENGULANGI GESAANNYA SUPAYA DITINGKATKAN KERJASAMA DI KALANGAN PENGELUAR UNTUK MENGUATKAN KUASA RUNDING NEGARA-NEGARA MEMBANGUN DAN MELINDUNGI HAK-HAK MEREKA YANG SAH.

BERUCAP DI MAJLIS MAKAN MALAM YANG DIBERIKAN OLEH PRESIDEN SRI LANKA J.R. JAYEWARDENE, BELIAU BERKATA SEBALIKNYA MALAYSIA MENGGANGGAP MANIPULASI HARGA OLEH NEGARA-NEGARA PENGGUNA SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA OPERASI KARTEL.

BELIAU MEMBERI JAMINAN MALAYSIA TIDAK AKAN CUBA MENGGUNAKAN PERSATUAN PENGELUAR TIMAH YANG BARU DITUBUHKAN UNTUK MENJADIKAN DUNIA SEBAGAI TEBUSAN.

+SEBALIKNYA, KAMI LEBIH SUKA BERUSAHA DALAM RANGKUMAN PERSATUAN AGAR KEPENTINGAN PENGELUAR SERTA PENGGUNA DILINDUNGI+, JELASNYA.

OLEH YANG DEMIKIAN, PERSATUAN PENGELUAR TIMAH MERUPAKAN PERTUBUHAN ANTI-KARTEL YANG BERTUJUAN MEMPASTIKAN BARANGAN ITU DINIAGAKAN SECARA BEBAS DAN ADIL; KATANYA. -- LAGI 2126/OD

ZCZC B687

MAHATHIR-KARTEL 2 COLOMBO (EMBARGO)

PERDANA MENTERI JUGA MENYERU NEGARA-NEGARA MEMBANGUN SUPAYA MENYERTAI SECARA GIAT DALAM HUBUNGAN SELATAN-SELATAN SEMENTARA BERUSAHA KE ARAH PENCAPAIAN SUSUNAN EKONOMI ANTARABANGSA YANG BARU.

BELIAU BERKATA MALAYSIA KERANA INGIN BERKERJASAMA DENGAN NEGARA-NEGARA SAHABAT YANG MEMBANGUN, TELAH MELANCARKAN RANCANGAN KERJASAMA TEKNIK MALAYSIA DALAM BIDANG-BIDANG DI MANA IA MEMPUNYAI PENGETAHUAN DAN PENGALAMAN YANG MUNGKIN BERGUNA KEPADA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN YANG LAIN.

SAMBIL MENARAWKAN BANTUAN KEPADA SRI LANKA, DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG DALAM LAWATAN TIGA HARI KE SINI BERKATA RANCANGAN TERSEBUT TELAH DIKEMASKINIKAN BARU-BARU INI DAN SRI LANKA DIALUKAN-ALUKAN MENGGUNAKAN KEMUDAHAN YANG DITAWARKAN.

BELIAU MENAMBAH MALAYSIA JUGA AKAN MENGALU-ALUKAN TAWARAN KEPAKARAN DARIPADA SRI LANKA.

BELIAU JUGA MEMBAYANGKAN HASRAT HENDAK MEMPERKUKUHKAN HUBUNGAN MALAYSIA-SRI LANKA DAN MENYATAKAN KEDUA-DUA NEGARA INGIN MENGUATKAN MASYARAKAT PELBAGAI KAUM DARI SEGI SOSIAL DAN AKHLAK DAN MENYEDIAKAN ASAS YANG TEGAS BAGI KESTABILAN DAN KEMAJUAN EKONOMI YANG BERTERUSAN. -- BERNAMA 2130/SN